

Bisnes

bhbiz@bh.com.my



WADAH PEMBAHARUAN

Muhammin Hasbullah mengukir kayu untuk hiasan ruang tamu pada Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan 2019, semalam. (Foto Rosela Ismail/BH)



Pelan perniagaan komprehensif mampu cetus persaingan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Sumbangan usahawan Bumiputera dalam nilai eksport kayu dan produk kayu negara adalah amat rendah iaitu sekitar satu peratus atau RM77.79 juta daripada keseluruhan RM7.79 bilion tahun lalu, justeru memerlukan pelaksanaan segera satu pelan perniagaan yang komprehensif.

Ia bagi memastikan usahawan Bumiputera mampu mengembangkan rangkaian



Teresa Kok

perniagaan masing-masing dan berdaya saing dalam pasaran terbuka, berbanding hanya bergantung kepada projek kerajaan.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok, berkata jumlah pemilikan kilang Bumiputera di dalam industri perabot juga rendah iaitu 370 unit atau 10.5 peratus daripada anggaran keseluruhan 3,500 kilang di Malaysia.

Berdasarkan kepada prestasi yang ditunjukkan dari segi eksport itu, Kok berkata, kementerian mendapati pemain industri perkayuan di kalangan usahawan Bumiputera perlu dipertingkat.

Katanya, usahawan Bumiputera mempunyai potensi yang besar untuk turut serta dan lebih aktif dalam industri perkayuan negara.

Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti dan mempengaruhi penyertaan yang rendah dalam kalangan usahawan Bumiputera.

Antaranya adalah seperti persaingan sengit selain strategi pemasaran kurang berkesan dan kelemahan

pengurusan yang menjepakkan prestasi perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan 2019: Kelestarian Industri Perabot Bumiputera di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Datuk Dr Tan Yew Chong; Presiden Persatuan Usahawan Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputera Malaysia (PEKA), Hanafee Yusoff dan Pengarah Putra Science Park UPM, Prof Dr Mohd Adzir Mahdi.

Dalam pada itu, Kok berkata, pihaknya menjangkakan eksport perabot kayu negara meningkat satu peratus pada tahun ini berbanding RM7.79 bilion tahun lalu di sebalik ketidaktentuan ekonomi dunia.

Beliau berkata setakat Ogos 2019, nilai eksport perabot kayu adalah RM5.6 bilion, meningkat 13.5 peratus berbanding bulan sama tahun lalu iaitu daripada RM4.9 bilion.

"Peningkatan berkenaan menunjukkan pemain industri mula memberi tumpuan kepada produk bermilai tambah tinggi terutamanya perabot berbanding pengeluaran produk primer seperti kayu balak, papan lapis dan lain-lain.

"Tumpuan kepada produk bermilai tambah seperti perabot perlu disokong dan diteruskan kerana ia memberi lebih nilai, di samping sumbangannya yang besar

kepada pendapatan eksport negara," katanya.

Mengulas mengenai simposium itu Kok berkata, ia adalah kesinambungan kepada pelancaran buku *Kejayaan yang Tertunda: Mengupas Prestasi Usahawan Bumiputera dalam Sektor Perabot* yang diadakan pada 29 Januari 2019 lalu.

Oleh itu katanya, simposium itu amat bertepatan untuk dijadikan sebagai platform bagi perkongsian ilmu dan maklumat oleh pakar-pakar dan pemain industri serta pengalaman masing-masing.

"Sesi perkongsian ini adalah penting bagi membolehkan pihak berkepentingan untuk terus mengenal pasti kelemahan serta kekuatan usahawan Bumiputera di dalam industri perkayuan khususnya sektor pembuatan perabot.

"Rantaian bekalan dan rangkaian perniagaan yang mantap adalah penting dan adalah resipi kejayaan bagi sesebuah perniagaan. Oleh itu, dalam berhadapan dengan persekitaran yang kompetitif, Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sentiasa komited kepada agenda keusahawanan sejajar dengan Dasar Keusahawanan Negara yang merangkumi pemerkasaan ekonomi Bumiputera.

"Pembangunan ekonomi pada masa hadapan adalah lebih bersifat kolaboratif, berorientasikan pengetahuan serta keupayaan bakat," katanya.